

UMS terima anugerah johan dan naib johan, raih hadiah RM15,000 pada AKRI 2022

UB 03.09.2022 P.02

KUALALUMPUR: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus menunjukkan pencapaian cemerlang apabila meraih dua anugerah pada majlis Anugerah Khas Menteri Pengajian Tinggi: Rekabentuk Kurikulum Dan Penyampaian Inovatif (AKRI) 2022, di sini semalam.

Anugerah pertama diperolehi menerusi Timbalan Pengarah Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan (PKPKP) UMS, Dr. Nur Thara Atikah Zainal dengan inovasi pengajaran bertajuk PEERS: The Digital Siswapreneurship Learning Process.

Beliau yang juga Pensyarah Kanan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) dinobatkan sebagai Johan bagi peserta individu kategori Pengajaran Transformatif sekali gus membawa pulang hadiah wang bernilai RM10,000.

Pencapaian membanggakan itu terus disemarakkan



KEJAYAAN: Rasid (tengah), Thara (kanan) dan Denis (kiri) mengambil gambar kenangan bersama anugerah yang dimenangi UMS.

dengan sebuah lagi kemenangan yang diperolehi melalui penyertaan berkumpulan diketuai Prof. Madya Ts. Dr. Kamaruddin Abd. Hamid dari Fakulti Kejuruteraan UMS.

Dengan tajuk Blended-Cooperative Learning Environment for Immersive Learning Experiences in Process Simulation Course, kumpulan tersebut yang turut dianggotai Prof. Madya Dr. Siva-

kumar Kumaresan dan Dr. Mariani Rajin muncul Naib Johan dalam kategori Pembelajaran Imersif (Teradun) untuk menerima hadiah wang bernilai RM5,000.

Majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Prof. Dr. Rasid Mail dan Pengarah Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Akademik (PPKA) UMS, Dr. Denis Andrew D. Lajium.

Untuk rekod, AKRI diperkenalkan sejak tahun 2017 bagi mengiktiraf inisiatif pengajaran dan pembelajaran yang inovatif di peringkat institusi pengajian tinggi dan peserta individu.

Pada tahun ini, sebanyak 220 penyertaan telah diterima merangkumi empat kategori yang dipertandingkan.